



## SIARAN MEDIA

### SISTEM PENDAFTARAN STATUS PERMUDAH PMKS TERIMA BANTUAN KERAJAAN

---

**KOTA KINABALU, 16 Julai 2023** – Sistem Pendaftaran Status Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang diperkenalkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya SME Corp. Malaysia, bakal mempermudah PMKS untuk mendapatkan bantuan yang ditawarkan Kerajaan. Logo rasmi bagi inisiatif ini telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah semasa Majlis Perasmian Penutupan Minggu PMKS 2023 Zon Sabah bersempena Minggu Usahawan Negara (MUN) pada hari ini.

Sistem Pendaftaran Status PMKS merupakan inisiatif yang dibangunkan bagi mengesahkan sesuatu syarikat atau perniagaan menepati definisi PMKS seperti yang ditetapkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK). Bagi membolehkan pemohon mengenal pasti samada mereka layak dikategorikan sebagai PMKS, mereka boleh memohon Sijil Akuan Status PMKS yang ditawarkan oleh SME Corp. Malaysia bagi memudahkan perniagaan menyertai program atau memohon insentif dan bantuan untuk PMKS. Bagi meningkatkan kecekapan, SME Corp. Malaysia telah menyediakan pendaftaran secara dalam talian di mana permohonan boleh dibuat melalui portal [www.smereg.smecorp.gov.my](http://www.smereg.smecorp.gov.my).

YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam ucapan aluannya berkata, “Kerajaan Perpaduan, melalui KUSKOP dengan visi dan kerangka MADANI kekal komited memperkasakan pembangunan PMKS. Pengenalan inisiatif baharu seperti Sistem Pendaftaran Status PMKS oleh SME Corp. Malaysia ini bukan sahaja mengiktiraf peranan dan sumbangan PMKS kepada pembangunan

ekonomi negara tetapi juga penting dalam memastikan PMKS dapat menikmati bantuan bersasar daripada pihak Kerajaan seperti subsidi elektrik yang akan diumumkan kelak. Di sebalik saiznya yang kecil, bilangan PMKS sebenarnya adalah sangat besar iaitu kira-kira 97 peratus dari keseluruhan pertubuhan perniagaan, dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. PMKS menjana sehingga 37.4 peratus pendapatan negara, atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 7.32 juta orang”.

Di majlis yang sama, YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia menyatakan, “Sehingga Jun 2023, SME Corp. Malaysia telah memperakukkan pendaftaran sebanyak 25,904 pemohon berstatus PMKS yang sebahagian besarnya daripada sektor perkhidmatan iaitu kira-kira 76.7 peratus. Kelulusan tertinggi adalah dari negeri Selangor sebanyak 9,173 diikuti Kuala Lumpur dengan 5,251. Bagi Sabah dan Sarawak, bilangan pemohon yang diperakukan sebagai PMKS adalah sebanyak 993 (Sabah) dan 1,528 (Sarawak). Usaha akan dipergiat untuk mendapatkan lebih banyak PMKS berdaftar dan mendapatkan Status PMKS ini bagi membolehkan mereka mendapat manfaat daripada bantuan ditawarkan oleh Kerajaan.” Penekanan kepada kepentingan PMKS sebagai tunjang ekonomi negara ini adalah bertepatan dengan nilai teras Kemampanan dan Kesejahteraan dalam konteks pertumbuhan ekonomi di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Selain pelancaran logo rasmi Sistem Pendaftaran Status PMKS, Sijil Akuan Status PMKS turut disampaikan kepada 10 PMKS dari Sabah selepas majlis perasmian. Zon Sabah merupakan lokasi terakhir yang menutup tirai MUN dan Minggu PMKS 2023 selepas kejayaan penganjurannya di Pulau Pinang (Zon Utara), Sarawak, Melaka (Zon Selatan), Pahang (Zon Pantai Timur) serta Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur awal bulan ini. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran umum tentang produk dan perkhidmatan ditawarkan PMKS serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat. Selain itu, program ini juga menawarkan platform untuk hebahan maklumat mengenai pembiayaan dan program pembangunan PMKS yang ditawarkan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan.

Penganjuran Minggu PMKS Zon Sabah bersempena MUN ini turut mendapat sokongan dan penglibatan pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan PMKS,

termasuklah Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah (MIDE), institusi kewangan, universiti, persatuan industri, syarikat-syarikat besar serta badan-badan korporat seperti Pos Malaysia Berhad sebagai Rakan Kurier Rasmi dan Unifi Business, Telekom Malaysia Berhad (TM) yang merupakan Rakan Teknologi Eksklusif.

Pada tahun ini, kira-kira 80 reruai disediakan untuk karnival jualan dan gerai pameran di Sabah International Convention Centre (SICC). Selain aktiviti berkaitan keusahawanan seperti sesi taklimat, khidmat nasihat perniagaan dan padanan perniagaan, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan termasuklah pertandingan e-Sport Mobile Legend, pertandingan *cosplay* (pakaian beragam), cabutan bertuah dan pertandingan mewarna. Turut hadir semasa Majlis Perasmian Penutupan tersebut adalah YB Tuan Phoong Jin Zhe, Menteri MIDE, YBhg. Datuk Thomas Logijin, Setiausaha Tetap MIDE, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Penggerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP serta Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**